

## KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	27/2/2017	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Jejambat khusus untuk gajah dibina



Pembinaan jambatan kedua Suka dibimbingi beberapa pihak akan menimbulkan konflik antara gajah dan manusia.

➔ Rancangan pembangunan Suka ambil kira keperluan hidupan liar

Oleh Poliana Ronnie Sidom  
polliana@bh.com.my

▪ Suka

Jejambat bagi laluan gajah Pigmy Borneo akan dibina selepas pembinaan jambatan kedua Suka yang merentasi Sungai Kinabatangan, siap.

Jejambat sepanjang 1.38 kilometer (km) dianggarkan bernilai RM150 juta akan dibina menerusi fasa kedua, selepas fasa pertama jambatan kedua Suka siap. Jejambat itu akan dibina di ka-

wasan lot tiga santuari hidupan liar Kinabatangan yang kini menjadi laluan haiwan berkenaan.

Pembinaan jambatan dan jejambat itu antara rancangan membangunkan Suka menjadi daerah kecil menjelang 2020 menerusi pengwujudan Pekan Baharu Suka yang diilhamkan pada 2010.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Suka, Datuk Saddi Abdul Rahman, berkata tidak timbul soal pembinaan jambatan kedua itu menimbulkan gangguan terhadap laluan gajah berkaitan jejambat yang bakal di-

bina mempunyai laluan untuk haiwan liar terbabit.

**Syarat perlu dipatuhi**

Katanya, jejambat itu antara syarat ditetapkan Jabatan Hidupan Liar Sabah yang perlu dipatuhi sebelum kelulusan pembinaan jambatan kedua Suka.

"jambatan ini penting bukan saja bagi memudahkan urusan seharian penduduk, malah dalam aspek kesihatan, pendidikan, ekonomi dan keselamatan.

"Ia akan memberi akses kepada penduduk mukim Litang menda-

Fakta  
nombor

**RM150 JUTA**

kos bina jejambat  
laluan gajah  
Pigmy Borneo

pat rawatan kesihatan di Suka, meningkatkan aktiviti ekonomi penduduk sekitar dan dalam aspek keselamatan, ia memudahkan pasukan keselamatan kerana ada antara kawasan di Suka terdedah kepada ancaman pencerobohan susulan kedudukannya di pesisir laut," katanya kepada BH Plus.

Saddi berkata, projek itu sudah diluluskan Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kini dalam proses menunggu Laporan Keselamatan Alam Sekitar (EIA) sebelum kerja pembinaan dimulakan.